

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans kebakaran anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**



AmAssurance

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 06/2026

1 Apakah Fire Premier 365?

Fire Premier 365 melindungi harta benda anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, petir, letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik atau mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM479.50** [setahun] anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak **RM500,000** jika harta anda didiami sebagai Restoran dan Klasifikasi Pembinaan Bangunan C1A:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
Kerugian atau Kerosakan akibat: - Kebakaran - Kilat, petir - Letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik Polisi ini juga menyediakan manfaat-manfaat berikut: - Elaun Ketidakelesaian - Klausa Jejak dan Akses - Klausa Penyediaan Tuntutan - Pembaik Pulihan Sementara dan Kos Perlindungan - Penyingkiran Serpihan (Harta yang Tidak Diinsuranskan) - Lanjutan Keganasan dan Sabotaj	- Pengecualian penyakit berjangkit - Pengecualian harta siber dan data - Risiko radioaktif dan tenaga nuklear - Sekatan dan pengecualian - Peperangan, perang saudara, serangan, kebangkitan tentera atau perampasan kuasa, pemberontakan, revolusi - Kerugian turutan. - Pencurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran - Gempa bumi dan letusan gunung berapi atau kejutan alam semulajadi lain - Kebakaran bawah tanah, pencemaran atau kontaminasi

Dengan pembayaran premium **tambahan**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Kerugian atau Kerosakan yang disebabkan oleh Pesawat Udara
- Kebakaran Semak/Lalang
- Peralatan tangki, air atau paip air yang pecah & air melimpah keluar daripadanya
- Rusuhan Tunjuk Perasaan dan Kerosakan akibat dari niat jahat
- Kerugian atau Kerosakan hentaman
- Kerosakan oleh Pokok yang Tumbang atau Dedahan dan objek yang jatuh
- Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi
- Ribut Taufan
- Banjir
- Pemasangan Elektrik Klausa B
- Letupan
- Mendapan Tanah dan Tanah Runtuh
- Kebocoran Pemancut air
- Pembakaran Spontan
- Barangan yang sedang menjalani proses pengeringan/pemanasan
- Kerosakan dari asap
- Penyimpanan Dingin Beku / Inkubator Klausa B

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 6333



Layari kami di
www.amassurance.com.my



Emel kami di
customer@amassurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM479.50 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak Berkenaan
Premium Kasar	RM479.50 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM38.36
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM527.86 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM71.93
Nota:	
- Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad. - Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. - Polisi ini tertakluk kepada premium minimum RM75.00 bagi risiko komersial dan RM60.00 untuk risiko kediaman persendirian.	

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. - Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda. - Kepentingan insurans: Anda mesti mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan dalam harta benda yang diinsuranskan. Ini bermaksud anda akan mengalami kerugian kewangan jika harta benda tersebut hilang atau rosak. - Jumlah Diinsuranskan: Anda mesti memastikan harta benda anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat. Jumlah diinsuranskan hendaklah dipantau dan disemak secara berkala untuk memastikan ia mewakili kos penuh membina semula atau nilai penuh harta benda anda bagi mengelakkan insurans tidak mencukupi. Jika tidak, anda perlu menanggung bahagian kerugian secara berkadar sekiranya harta benda yang diinsuranskan mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada jumlah diinsuranskan pada masa kerugian. Anda boleh menggunakan Kalkulator Kos Bangunan https://bcc.piam.org.my/ sebagai rujukan. - Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda. - Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko. - Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kami segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan.	
Nota: Senarai ini tidak lengkap . Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.	



Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium ditolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.
- Kadar tempoh pendek:

Tempoh Insurans	Peratusan Pengembalian premium tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 bulan	80%
Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik